

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tenormin
2. Bagaimana Tenormin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Tenormin
4. Cara menggunakan Tenormin
5. Semasa menggunakan Tenormin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tenormin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Tenormin

Tenormin digunakan untuk:

- Merawat tekanan darah yang tinggi (hipertensi).
- Merawat degupan jantung yang tidak sekata (aritmia).
- Mencegah sakit dada (angina).
- Melindungi jantung dalam rawatan awal selepas serangan jantung (penginfarkan miokardium).

Bagaimana Tenormin berfungsi

Tenormin mengandungi sejenis ubat yang digelar *atenolol*. Ubat ini tergolong dalam kumpulan ubat yang digelar penyekat beta. Ubat ini bertindak dengan mengurangkan kelajuan dan kekuatan degupan jantung.

Sebelum menggunakan Tenormin

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan makan Tenormin jika:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap *atenolol* atau terhadap mana-mana ramuan tablet Tenormin 50 mg yang lain.
- Jika anda pernah mengalami mana-mana masalah jantung yang berikut:
 - kegagalan jantung yang tidak dapat dikawal (ini biasanya

- akan menyebabkan sesak nafas dan bengkak pada pergelangan kaki)
- sekat jantung tahap kedua atau ketiga (masalah yang boleh dirawat dengan perentak jantung)
- degupan jantung yang sangat perlahan atau yang sangat tidak sekata, tekanan darah yang sangat rendah atau peredaran darah yang sangat buruk
- Anda mempunyai tumor yang digelar feokromositoma yang tidak dirawat. Tumor ini biasanya tumbuh berhampiran ginjal dan boleh menyebabkan tekanan darah yang tinggi. Jika anda dirawat kerana mempunyai feokromositoma, doktor akan memberi anda suatu ubat lain yang digelar penyekat alfa untuk dimakan selain Tenormin.
- Anda diberitahu bahawa aras asid di dalam darah anda lebih tinggi daripada aras normal (asidosis metabolik).

Jangan makan Tenormin jika anda mengalami mana-mana masalah tadi. Jika anda kurang pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum memakan Tenormin.

- Sebelum mula menggunakan Tenormin

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum memakan Tenormin jika:

- Anda menghidap asma, nafas berdehit atau masalah pernafasan yang lain seumpamanya, atau anda mengalami tindak balas alergi, misalnya terhadap sengat serangga. Jika anda pernah menghidap asma atau nafas berdehit, jangan makan ubat ini tanpa menanya doktor dahulu.
- Anda mengalami sejenis sakit dada (angina) yang digelar angina Prinzmetal.
- Anda mengalami peredaran darah yang kurang baik atau

kegagalan jantung yang terkawal.

- Anda menghidap sekat jantung tahap pertama.
- Anda menghidap diabetes. Ubat anda mungkin mengubah gerak balas anda terhadap gula darah yang rendah. Anda mungkin merasakan bahawa jantung anda berdegup dengan lebih pantas.
- Anda menghidap tirotoksikosis (sejenis penyakit yang disebabkan oleh kelenjar tiroid yang terlebih aktif). Ubat anda mungkin akan menyembunyikan simptom-simptom tirotoksikosis.
- Anda mengalami masalah pada ginjal. Anda mungkin perlu menjalani beberapa pemeriksaan semasa tempoh rawatan anda.

Jika anda kurang pasti sama ada anda mengalami mana-mana masalah tadi, bincanglah dengan doktor atau ahli farmasi sebelum memakan Tenormin.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda sedang atau baru-baru ini telah memakan ubat lain. Ini merangkumi ubat yang anda beli tanpa preskripsi dan juga ubat-ubatan herba. Ini kerana Tenormin boleh menjejaskan tindakan sesetengah jenis ubat dan sesetengah jenis ubat boleh menjejaskan tindakan Tenormin.

Khususnya, beritahulah doktor jika anda memakan mana-mana ubat yang berikut:

- *Clonidine* (untuk merawat tekanan darah tinggi atau migrain). Jika anda memakan *clonidine* bersama-sama Tenormin, jangan berhenti memakan *clonidine* melainkan diarahkan oleh doktor. Jika anda perlu berhenti memakan *clonidine*, doktor akan memberi anda arahan yang teliti tentang cara berhenti.
- *Verapamil*, *diltiazem* dan *nifedipine* (untuk merawat

tekanan darah tinggi atau sakit dada).

- *Disopyramide, quinidine* atau *amiodarone* (untuk merawat degupan jantung yang tidak sekata).
- *Digoxin* (untuk merawat masalah jantung).
- *Adrenaline*, juga digelar *epinephrine* (sejenis ubat yang merangsang jantung).
- *Ibuprofen* atau *indometacin* (untuk merawat rasa sakit dan radang).
- Insulin atau ubat yang anda makan untuk merawat diabetes.
- Ubat untuk merawat hidung atau sinus yang tersumbat atau penawar selesema yang lain (termasuk ubat yang boleh anda beli di farmasi).

Cara menggunakan Tenormin

- *Berapa banyak harus digunakan*

Orang dewasa

- Tekanan darah yang tinggi (hipertensi): dos yang biasanya diberikan ialah 50 mg hingga 100 mg sekali sehari.
- Sakit dada (angina): Dos yang biasanya diberikan ialah 100 mg sekali sehari atau 50 mg dua kali sehari.
- Degupan jantung yang tidak sekata (aritmia): dos yang biasanya diberikan ialah 50 mg hingga 100 mg sekali sehari.
- Rawatan awal serangan jantung (penginfarkan miokardium): dos yang biasanya diberikan ialah 50 mg hingga 100 mg sekali sehari.

Warga emas

Jika anda sudah berusia lanjut, doktor mungkin akan menetapkan dos yang lebih rendah, terutamanya jika anda mengalami masalah pada ginjal (buah pinggang).

Pesakit yang mempunyai masalah yang teruk pada ginjal

Jika anda ada masalah yang teruk pada ginjal, doktor mungkin akan menetapkan dos yang lebih rendah.

Kanak-kanak

Ubat ini tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak.

- *Bila perlu digunakan*

Makanlah Tenormin tepat-tepat seperti yang diarahkan oleh doktor. Tanyalah doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.

- Doktor akan memberitahu anda bilangan tablet yang perlu anda makan setiap hari dan waktu memakannya. Bacalah label pada karton untuk mengingatkan diri anda tentang kata-kata doktor.
- Telan tablet Tenormin bulat-bulat dengan segelas air.
- Cubalah memakan ubat anda pada masa yang sama setiap hari.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Jangan berhenti memakan Tenormin tanpa berbincang dengan doktor. Dalam keadaan yang tertentu, anda perlu berhenti memakan ubat ini secara beransur-ansur.

- *Jika terlupa menggunakan*

Jika anda terlupa memakan satu dos, makanlah sebaik sahaja anda ingat. Walau bagaimanapun, jika waktunya sudah hampir dengan waktu dos yang seterusnya, abaikan sahaja dos yang tertinggal itu. Jangan makan dua dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

- *Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda telah memakan lebih banyak Tenormin daripada yang diarahkan oleh doktor, beritahu doktor atau pergi ke hospital dengan segera. Bawa pek ubat ini bersama-sama anda supaya tablet tersebut boleh dikenal pasti.

Semasa menggunakan Tenormin

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Teruskan memakan ubat ini seperti yang telah diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti memakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Pembedahan

Jika anda dimasukkan ke hospital untuk menjalani pembedahan, beritahu pakar anestesia (pakar bius) atau kakitangan perubatan bahawa anda memakan Tenormin. Ini kerana anda boleh mengalami tekanan darah yang rendah (hipotensi) jika anda diberi ubat anestetik yang tertentu sementara anda masih memakan Tenormin.

Kehamilan dan menyusukan anak dengan susu badan

Beritahu doktor sebelum anda memakan Tenormin jika anda hamil, bercadang untuk menjadi hamil, atau sedang menyusukan anak dengan susu badan. Sekiranya anda hamil semasa mengambil Tenormin, beritahu doktor anda secepat mungkin.

Memandu dan mengendalikan jentera

Ubat ini tidak dijangka akan menjejaskan keupayaan anda memandu mahupun mengendalikan apa-apa alat atau jentera. Walau bagaimanapun, sebaik-baiknya tunggulah dan perhatikan dahulu kesan ubat ini terhadap anda sebelum anda cuba melakukannya.

Jika anda berasa pening atau penat apabila memakan ubat ini, jangan pandu kenderaan dan jangan kendalikan apa-apa alat atau jentera.

Kesan-kesan sampingan

Sama seperti semua ubat lain, Tenormin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidaklah semua orang akan mengalaminya.

Tindak balas alergi

Jika anda mengalami tindak balas alergi, pergilah berjumpa doktor dengan segera. Tanda-tandanya mungkin berupa benjol-benjol pada kulit (bilur), atau bengkak pada muka, bibir, mulut, lidah atau tekak.

Kesan-kesan sampingan lain yang boleh berlaku

Lazim berlaku (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 10 orang)

- Anda mungkin mendapati bahawa kadar nadi anda bertambah perlahan semasa anda memakan tablet ini. Ini normal, tetapi jika anda bimbang, beritahu doktor.
- Tangan dan kaki terasa sejuk.
- Cirit-birit.
- Loya.
- Berasa letih.

Tidak lazim berlaku (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 100 orang)

- Tidur tidak nyenyak.

Jarang-jarang sekali berlaku (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 1,000 orang)

- Sekat jantung (yang boleh menyebabkan pening, degupan jantung yang abnormal, rasa letih atau pitam).
- Rasa kebas dan spasma pada jari, diikuti dengan rasa panas dan sakit (penyakit Raynaud).
- Perubahan ragam angin.
- Mengigau.
- Berasa keliru.
- Perubahan personaliti (psikosis) atau halusinasi.
- Sakit kepala.
- Pening (terutamanya apabila bangun untuk berdiri).
- Rasa gelenyar pada tangan.
- Tidak boleh mencapai ereksi (mati pucuk).

- Mulut kering.
- Mata kering.
- Gangguan penglihatan.
- Rambut semakin jarang.
- Ruam pada kulit.
- Bilangan platelet dalam darah berkurangan (ini boleh membuatkan anda lebih mudah mendapat lebam).
- Tanda keungu-unguan pada kulit.
- Jaundis (menyebabkan kulit atau putih mata menjadi kuning).

Sangat jarang-jarang sekali berlaku (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 10,000 orang)

- Perubahan pada sesetengah sel darah atau bahagian lain darah. Doktor mungkin akan kerap mengambil sampel darah untuk memastikan sama ada Tenormin ada kesan terhadap darah anda.

Penyakit yang boleh melarat

Jika anda menghidap mana-mana penyakit yang berikut, penyakit anda itu mungkin melarat apabila anda mula memakan ubat ini. Ini jarang-jarang sekali berlaku dan menjejaskan kurang daripada 1 dalam 1,000 orang.

- Psoriasis (sejenis penyakit kulit yang menyebabkan kulit mengelupas dan gatal).
- Sesak nafas atau bengkak pada pergelangan kaki (jika anda menghidap kegagalan jantung).
- Asma (lelah) atau masalah pernafasan.
- Peredaran darah yang kurang baik.

Jangan risau akan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak akan mengalami mana-mana satu pun. Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perhatikan kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, beritahulah doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to

Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Tenormin

- Penyimpanan

Simpan ubat ini di tempat yang selamat, jauh daripada pandangan dan capaian kanak-kanak. Ubat ini boleh memudaratkan mereka.

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan tablet ini di dalam bungkusannya yang asal. Simpan papan lepuh di dalam karton. Ini akan melindungi ubat daripada cahaya dan lembapan.

- Pelupusan

Jangan gunakan tablet ini selepas tarikh luputnya yang tertera pada papan lepuh dan pada kartonnya. Tarikh luput merujuk pada hari terakhir bulan yang dinyatakan itu.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet Tenormin 50 mg berwarna putih. Tablet ini biconvex, bulat, bersalut filem, diukir dengan 50 pada satu permukaan, dan bergaris garis pembahagian pada sebelah permukaannya. Tablet ini disediakan di dalam pek (papan lepuh) yang mengandungi 28 tablet.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Bahannya yang aktif ialah atenolol. Setiap tablet mengandungi 50 mg (miligram) atenolol.

- Bahan tidak aktif

Bahan-bahannya yang lain ialah gelatin (sumber bovin), gliserol magnesium karbonat, magnesium stearat, kanji jagung, hypromellose, natrium lauril sulfat, titanium dioksida (E171).

- Nombor MAL

MAL19870055ACZ

Pengilang

Corden Pharma GmbH

Otto-Hahn-Strasse 1
68723
Plankstadt,
GERMANY

Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH Malaysia Sdn Bhd
B-11-01, The Ascent, Paradigm,
No.1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini

25/03/2024
Doc ID-001065885 versi 6.0
(berdasarkan PI: Doc ID-
003775434 versi 5.0)

Nombor siri

NPRA (R1/2) 27052024/101